

☒ Utusan Malaysia
☐ Mir.gguan Malaysia
Tarikn: 5/2/2013
Hari: Selasa M/S: 13
Ruangan: KENCAHA

UMM/AA8/UM/5.2.2013/P:13 (1-4)

Integriti pemimpin tonggak kejayaan

Oleh ROHAMI SHAFIE

PENULIS amat tertarik dengan laporan berita mengenai skandal penipuan akademik di institusi tersohor Amerika Syarikat (AS), Universiti Harvard baru-baru ini. Seramai 60 orang pelajar universiti berkenaan dihukum kerana berkerjasama menjawab soalan atau telah melakukan plagiat semasa menduduki peperiksaan akhir.

Laporan berita ini sudah pastinya menggemparkan dunia akademik secara khasnya dan dunia secara umumnya. Sebuah institusi menara gading yang bertaraf dunia dan diangkat sebagai antara yang terhebat di dunia, rupanya tidak dapat lari dengan imej skandal penipuan sebagaimana berlakunya krisis subprima pada tahun 2007, skandal korporat dan perakaunan yang sering kali berlaku di AS sejak tahun 2000 lagi.

Mungkinkah kerana terlalu tertumpu pada piawai, reputasi dan imej yang tinggi serta ingin mengekalkan pengiktirafan dunia terhadapnya, peperiksaan yang dilaksanakan adalah di luar jangkaan para pelajar? Atau mungkinkah universiti tersebut terlepas pandang kerana penumpuan reputasinya sehinggakan berlakunya kes-kes plagiat yang tidak sewajarnya berlaku dalam dunia akademik? Mungkinkah juga masih ramai yang menipu di universiti berkenaan tetapi tidak dapat ditangkap?

Penulis tidak dapat bayangkan apa yang akan terjadi jika pelajar-pelajar yang menipu ini terlepas dan tidak dapat dikesan perbuatan mereka itu. Umum mengetahui Universiti Harvard merupakan universiti terulung di dunia yang mengeluarkan ramai

tokoh dunia dalam pelbagai lapangan. Cuba bayangkan mereka ini menjadi pemimpin negara dan pemimpin korporat di serata dunia, apakah kesan akhirnya?

Maka, tidak menghairankanlah banyak penipuan, rasuah dan penyelewengan berlaku di peringkat atasan sama ada melibatkan pemimpin negara mahupun pemimpin korporat. Apa yang kita boleh harapkan kepada pemimpin sebegini?

Inilah masalah terbesar dan kelemahan utama dalam sistem pendidikan dunia yang terlalu berorientasikan peperiksaan dan pengiktirafan sijil. Seseorang terlalu dinilai melalui peperiksaan dan sijil, tidak pula dinilai dari segi etika dan integriti.

Penekanan terhadap etika dan integriti bukanlah suatu yang boleh diremehkan begitu sahaja tetapi merupakan satu kewajipan dalam sistem pendidikan bermula sejak anak-anak masih kecil lagi tidak kiralah sama ada secara pendidikan secara formal mahupun tidak formal.

Anak-anak kecil perlu diajar dalam persekitaran beretika dan berintegriti melalui perhubungan dan pergaulan dengan ibu bapa, keluarga, rakan-rakan, masyarakat dan sekolah. Apabila sudah meningkat dewasa dan memasuki menara gading, mereka ini sewajarnya diajar mengenai etika dan integriti. Setiap kursus yang diajar perlu memberi penekanan mengenai etika dan integriti. Ini kerana setiap bidang pekerjaan memerlukan kedua-dua aspek ini.

Kita tidak mahu melahirkan akauntan yang menipu wang syarikat, kita juga tidak mahu melihat doktor yang menjual ubat secara haram dan kita juga tidak mahu

melihat peguam yang memutar belitkan fakta sebenar hanya kerana ingin membela pelanggannya.

Lebih teruk lagi kita tidak mahu melihat pemimpin semua peringkat melakukan kesalahan rasuah dan menyalahgunakan kuasa kerana dilahirkan dalam sistem pendidikan yang tidak menekankan betapa pentingnya etika dan integriti.

Usah menuding jari sesama sendiri jika sekiranya kita tidak memberi penekanan terhadap kedua-dua aspek ini. Dewasa ini ibu bapa lebih malu apabila anak-anak mereka gagal peperiksaan, tetapi tidak pula malu sekiranya anak-anak ini bercakap bohong.

Anak-anak yang dilahirkan dengan keadaan yang suka bercakap bohong akan hilanglah nilai-nilai etika dan integriti. Mereka ini akan suka berjanji dewasa nanti tetapi tidak mahu menunaikan janji-janji mereka.

Mereka ini juga berkemungkinan besar tidak menjalankan amanah dengan rasa tanggungjawab meskipun amanah yang diberikan tidaklah begitu berat. Ini belum lagi bercakap mengenai amanah untuk memimpin negara yang melibatkan kebajikan rakyat. Sebolehnya negara memerlukan pemimpin yang bersih daripada semua segi.

Tidak berbohong ketika bercakap dan menunaikan segala janjinya. Barulah pemimpin ini mampu menjadi barisan paling hadapan membawa manfaat kepada rakyat.

Inilah ciri-ciri pemimpin yang diingini oleh rakyat. Pemimpin sebegini perlu disaring sebagaimana bakal dilakukan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

(SPRM) yang akan menyaring calon-calon yang akan bertanding dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13). Yakinilah, pemimpin yang beretika dan berintegriti akan sentiasa dipercayai oleh rakyat.

Tidak kurang juga segala tindakan yang dilakukan oleh pemimpin sebegini akan dibantu dengan kerjasama erat oleh semua pemimpin lapisan pertengahan, bawah dan rakyat. Malang sekali sekiranya rakyat sudah tidak mempercayai pemimpin yang tidak beretika dan berintegriti. Kewibawaan pemimpin berkenaan akan hilang begitu sahaja. Rakyat akan mula memberontak dan keamanan mula tergugat.

Sebab itulah menjadi pemimpin atasan bukanlah senang. Kalau hanya kerana ingin mengejar kemewahan dan populariti dan bukannya tanggungjawab untuk melaksanakan amanah dengan baik, maka, kesan negatifnya amat dahsyat sama sekali.

Sebab itulah, amat malang sekiranya kehebatan seseorang itu diukur melalui sijil semata-mata. Apa yang berlaku di Universiti Harvard perlu dijadikan iktibar kepada kita.

Dalam melahirkan pemimpin-pemimpin yang bertaraf dunia, sijil dan ketokohan semata-mata tidak menjamin kejayaan sesebuah institusi mahupun negara. Sahsiah dan moral yang hebat serta tidak berkompromi dalam aspek etika dan integriti adalah tonggak kejayaan seseorang pemimpin yang ulung,

PENULIS ialah Pensyarah Kanan Perakaunan dan Kewangan, Pusat Pengajian Perakaunan Dan Felo Penyelidik Institut Keusahawanan dan Koperasi, Universiti Utara Malaysia.